




# WAKTI

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



## KANDUNGAN

## Halaman

- |   |     |
|---|-----|
| 1. Laporan Lawatan ke Kampung Lukut, Kota Tinggi, Oleh: Yaakub Ismail   | 9   |
| 2. Rindai Air, Oleh: Yaakub Ismail  | 36  |
| 3. Teromboh Peradangan Adat, Oleh: Yaakub Ismail dan Norzali Ibrahim  | 47  |
| 4. Peradangan Adat Mendahama Cincin, Oleh: Norzali bin Hj. Ibrahim  | 57  |
| 5. Diraja Sejarah, Tajuk Tegakaya Pusaka Luak<br>Karya Bersejarah: 1. Mohd Yusoff, 2. Mohd Said, 3. Ramli, 4. Norhayati | 63  |
| 6. Adat Berpuak, Oleh: Ismail Abdul Hadi  | 77  |
| 7. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan, Oleh: Mohd Hiza Tahir   | 84  |
| 8. Data Bandar Tenggara, Oleh: Mohd Zamri Hj. Mohd. Ariff   | 100 |

# SIDANG REDAKSI "WARISAN". JURNAL SEJARAH, PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.  
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.  
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta poilitiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentukl sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,  
70604 Seremban.


(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI  
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.**

**MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.**

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN



فجابه منتري بسر  
نكري سمبلن

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbilang terima kasih.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

# DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum

warahmatullahiwabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya nemaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti 'Adat Berpuar' yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai penghantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, seterusnya 'WARISAN' memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.



HASHIM BIN JASA AMN, PJK

Pengarang Kehormat,

Majalah Warisan Ke 12

# SENARAI NAMA JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1987

- Yang Di Pertua : Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
- Naib Yang Di Pertua : Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
- Setiausaha Kehormat : Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
- Pen. Setiausaha Kehormat : Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
- Bendahari : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
- Ketua Pengarang : Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
- Ahli-ahli Jawatankuasa : Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.  
: Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.  
: Datuk Mohd. Sharif bin Fakeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.  
: Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.  
: Tuan Haji Husain bin Salleh.



# KINCIR AIR

## *Rencana KINCIR AIR Di Sungai Rembau*


*Oleh: Yaakub Idrus*

Sehingga pertengahan tahun 1950an orang-orang yang berjalan kaki atau pun berbasikal dari Lubok China ke Astana Raja (Legong) melalui jalan kereta lembu yang berliku-liku dan agak semak, tiba di Kampung Baru, akan kedengaran bunyi-bunyi yang aneh bunyi keriot roda-roda raksaksa yang berputar terbuat daripada kayu, buluh dan rotan, di samping bunyi derauan air mencurah dari tabung-tabung yang terpasang pada roda-roda besar tadi dan diselangi pula oleh lasingan riang-riang rimba dan kicauan burung-burung - itulah satu suasana yang amat menarik dari kincir-kincir - alat penaik air dari Sungai Rembau ke sawah-sawah di sekitarnya. Bunyi aneh ini terus menerus kedengaran hinggalah ke Sawah Raja (nama asalnya Sawar Raja) dan terus ke Penajis yang jauhnya kira-kira 6km. Tanpa mengira tahun-tahun tertentu, tak kurang daripada 30 buah kincir terdapat di kawasan ini. Ini termasuk juga di kawasan yang lebih ke hilir Kampung Pengkalan Pauh, dan satu cawangan Sungai Rembau yang menyimpang ke dalam Negeri Melaka (Sungai Lendu yang hulunya sampai ke Berisu dan Simpang Empat). Di Sungai Lendu ini saja hampir 10 buah kincir didirikan. Sebuah lagi cawangan Sungai Rembau sebelah hulu iaitu Sungai Semerbuk, terdapat juga kincir.

Kincir air yang sering disebut 'kincir' saja di Sungai Rembau sebelah sini, tidaklah diketahui semenjak bila wujudnya. Begitu juga tentang asalnya, sama ada dari Sumatra, Jawa atau ciptaan tempatan. Saya pernah terlihat

gambar kincir ini di dalam Majalah LIFE menunjukkan gambar kincir di Vietnam. Begitu juga dikatakan, kincir terdapat di Jawa, misalnya di Demak. Gambar yang dilampirkan ini ialah gambar kincir di Minangkabau.

Di daerah Kuala Pilah pula sehingga pertengahan tahun 40an masih terdapat kincir. Gambar yang dilampirkan ini ialah gambar kincir di Minangkabau.)




**Kincir air, salah satu alat yang dipergunakan untuk mengalirkan air dari sungai ke sawah.**

Bahan-bahan untuk membuat kincir ini terdiri daripada kayu, rotan besar, buluh, batang pinang atau enau, termasuklah juga tali ijuk dan akar periuk kera dan sebagainya. Di bawah ini dijelaskan bahagian-bahagian kincir dan bahan-bahan yang dipergunakan:

1. Balak kincir. Selalunya kayu mepoyan sebesar betis.
2. Geronggang atau gantang-gantang kincir. Biasanya daripada kayu leban berukuran kira-kira sehasta garispusat.

3. Jari-jari. Daripada buluh berbelah, atau nibung berbelah atau anak-anak kayu. Jumlahnya kira-kira 60 bilah atau batang. Panjangnya 4 1/2 ke 5 hasta, dan lebarnya kira-kira 2".
4. Bingkai atau bengkung kincir. Ia dibuat daripada gelungan buluh berbelah kira-kira 7 depa lilit. Ramai juga orang membuatnya daripada rotan besar yang dipanggil rotan dahan.
5. Kipas-kipas. Diperbuat daripada bilah-bilah buluh yang dianyam, dipasang pada hujung jari-jari untuk menahan tolokkan air sungai agar kincir itu berpusing ligat.
6. Tabung. Iaitu ruas-ruas buluh yang dipotong kira-kira 1 1/2 hasta, dipasang menyerong pada bingkai kincir, berfungsi sebagai timba pencedok air. Jumlah kira-kira 20-30 ikut perlu.

### LAKARAN KINCIR DAN JUZUK-JUZUKNYA



Lain-lain bahan/alat yang bukan tubuh kincir:

1. Palung iaitu sebagai salur untuk mengalirkan air yang ditadahkan dari curahan tabung ke tebing sungai dan seterusnya ke tengah sawah. Ia sering dibuat daripada batang enau atau batang pinang yang dibelah dua dan dibuang memulurnya.
2. Panggau. 6 batang tiang yang dipacakkan di dasar sungai jadi tempat kincir dipasangkan. Kiri-kanannya diberi berlantai nibung atau lain-lain 3-4 keping tempat berpijak untuk memasang atau menjaga kincir.
3. Lantak atau pelantak, iaitu kayu-kayu sebesar lengan atau lebih yang dilantakkan ke sungai menjadi pagar yang rapat berbentuk 'V' bagi membendung aliran sungai agar menumpu ke ruang tempat kincir dipasangkan supaya kincir itu laju pusingannya. Ada lantak pendek, iaitu yang dekat antara kincir dengan tebing hala ke sawah; lantak panjang, iaitu pagar yang sebelah lagi hingga ke tebing sebelah; lantak buang, iaitu pagar tinggi sebelah hulu sungai. Gunanya untuk menahan atau membuang kayu-kayu hanyut semasa berlaku banjir, tidak mengenai kincir.
4. Rumbu-rumbu iaitu daun-daun dan ranting-ranting pokok renik yang dipasangkan pada lantak-lantak tadi agar lantak itu dapat menahan air sungai dengan padu, juga untuk menahan pasir supaya berkumpul dekat lantak itu, menambahkan lagi rapatnya lantak itu.
5. Anak-anak kayu untuk dibuat panggau silang bagi meletakkan palung-palung pengalir dari kincir ke sawah.
6. Tali ijuk atau akar yang sesuai seperti akar periuk kera atau rotan untuk pengikat bahagian-bahagian kincir itu.


## Proses membuat kincir dan bagaimana ia berfungsi

Kerja membuat kincir adalah merupakan kerja berkongsi atau bergotong-royong. Ada juga orang yang mengupah tukang-tukang tertentu. Tetapi kebanyakan pemilik-pemilik kincir itu membuatnya dengan pertolongan ahli keluarga atau rakan-rakan yang akan berkongsi menggunakan kincir itu kelak. Bila tiba waktu memasang kincir itu di sungai, inilah masanya benar-benar bergotong-royong. Biasanya mereka menyeraya orang beramai-ramai dengan membuat ulau seperti bubur pulut hitam, bubur kacang dan kuih-muih dan kadang-kadang jamuan nasi juga.

Tugas yang awal sekali ialah merancang di mana akan didirikan kincirnya itu - selalunya di hujung sawah masing-masing yang biasanya agak tinggi sedikit dari aras sawah dan bukan pula di bahagian teluk.

Kemudian mereka pun pergi meramu bahan-bahan ke hutan yang biasanya berhampiran kampung. Setengah-setengah bahan memang terdapat di dalam kampung, seperti batang pinang dan buluh. Bahan-bahan ini dilonggokkan di tempat hendak membina kincir itu, dan di situlah proses menukangi itu dijalankan.

Kerja yang berat sekali ialah menyediakan geronggang atau gantang-gantangya. Kayu leban yang telah dikabung sepanjang agak-agak sehasta setengah, dibulatkan bentuk torak atau silinder dan ditebuk lobang bulat di tengahnya tempat balak akan di gelangkan. Kemudian dipahat/ditebuk lobang-lobang kecil semuat-muat jari-jari, kerana di lobang-lobang inilah jari-jari akan dicacakkan. Lobang itu pula agak miring sedikit kerana jari-jari itu akan dipasang condong bersilang gunting.



## GERONGGANG KINCIR DAN TEBUKAN JARI-JARI


Setelah itu dipasangkanlah jari-jari yang telah siap beraut ke dalam lobang-lobang geronggang tadi dalam keadaan rebah. Kemudian dipasak di setiap pangkal jari-jari itu agar jangan tertanggal kelak. Setelah habis jari-jari dipasang maka dipasang pula bingkai besar di hujung jari-jari tadi hingga jadilah bentuk roda yang besar - gelung atau bingkai itu mestilah dua lari. Dan antara keduanya itu dipasangkan pelintang pada tiap pasangan jari-jari yang dipanggil kunci. Semuanya dibuat secara ikatan atau pun sistem tebuk dan punting. Ini pun masih memerlukan ikatan.

Pada bahagian silangan jari-jari itu dijalinan pula 4 lari akar hingga menjadi satu gelungan pula. Lepas ini maka dibuatkan pula kipas-kipasnya, dianyam-jalinan pada hujung setiap pasangan jari-jari atau pun berselang mengikut perlu; kalau ingin kincir itu laju, pasanglah kipas-kipasnya rapat-rapat. Hingga setakat ini boleh dipasangkan kincir itu ke panggaunya. Tabung-tabungnya dipasang kemudian setelah kincir itu terpasang. Mula-mula dicacakkan 6 batang tiang kayu mepoyan sebesar betis (3 pasang memanjang sungai), pasangan tiang yang tengah adalah tempat dipasang balak kincir itu. Dua baris tiang itu diberi berlantai kira-kira empat keping

memanjang hulu ke hilir sungai jadi tempat berdiri pekerja-pekerja memasang kincir. Setelah siap bolehlah dipasangkan kincir. Balak kincir itu diikatkan ke tiang dengan menggunakan tali ijuk. Ijuk tahan terendam. Setelah terpasang kincir itu barulah dipasangkan tabung-tabung buluh pada bingkai kincir itu dengan kedudukan menyerong dengan muncung tabung itu mencecah air dahulu. Kemudian dipasanglah pula palung-palung penadah air.

Selepas ini lantak-lantak pun dibuat. Setelah siap lantak maka kincir itu sedialah berpusing kerana air sungai itu menumpu kipas-kipas yang terendam, dan tabung-tabung pun mencedok air dan mencurahkan air itu apabila giliran tabung itu sampai ke atas dan mencurahkan ke dalam palung dan air palung itupun mengalir ke sawah dengan derasnya - kincir berpusing 24 jam dengan keriot atau lansingnya jauh kedegaran.

### RAJAH KEDUDUKAN KINCIR



## **Penjagaan atau pengawalan kincir**

Kincir-kincir yang terpasang sentiasa boleh dinaik dan diturunkan kedudukannya mengikut keadaan air - kalau air kurang diturunkan ke bawah, kalau lebih dinaikkan. Bila musim banjir biasanya kincir dinaikkan. Begitu juga bila musim tidak memerlukan air, kincir terus diangkat ke atas tebing, dan tempat laluan air deras itu dipasangkan pula tengkalak dan ikan baung tunggal pun masuk tengkalak.

## **Keberkesanan kincir**

Menurut pendapat beberapa orang tuan kincir atau pesawah-pesawah di kawasan ini, penggunaan kincir jauh lebih baik daripada sistem empangan batu dan benteng konkrit sekarang ini. Sistem kincir, air sentiasa mewah dan sawah sentiasa lembut. Sistem benteng menjadikan sawah kering-kontang jadi padang. Zaman itu ganti benteng ialah bendar tepi, yang airnya sentiasa banyak datang dari beberapa solok. Airnya menolong mengairkan sawah-sawah yang agak jauh dari kincir. Kata mereka ikan pun sangat banyak. Selain daripada itu kanak-kanak pula dapat sangat suka mandi berenang berhampiran dengan kincir itu sambil mencari ikan dan anak-anak udang. Setengahnya menyelam mengikut pusingan kincir.

## **Senarai tukang-tukang atau tuan-tuan punya kincir**

Sebagai catatan sejarah elok juga disalinkan nama-nama tuan-tuan atau tukang-tukang kincir itu - setengahnya masih hidup lagi:

(a) Batang Sungai Rembau (dari hulu ke hilir secara rawak):



1. Encik Mohd Zain bin Lunas (?) - Penajis
2. Lebai Yunus
3. Encik Sijak b. Sudin\* - Kampung Baru
4. Encik Ipih - Kampung Baru
5. Encik Sinin\* - Titian Akar
6. Encik Naim, 2 kincir - Kampung Baru/Lubok Batu
7. Encik Sulaiman - Sawar Raja
8. Haji Maasin\* - Titian Akar
9. Encik Daud bin Hj. Maasin\* - T. Akar
10. Lebai Talib - Sawar Raja
11. Hj. Yunus - Titian Akar
12. Encik Derus - Kampung Baru
13. Encik Jali\* - Titian Bintangor,
14. Encik Mahmud - Titian Akar
15. Encik Lihin - Kampung Semerbuk
16. Encik Abu Hassan Tekah - Kampung Titian Bintangor
17. Encik Gopal - Pengkalan Pauh
18. Encik Johan - Pengkalan Pauh
19. Encik Isahak - Pengkalan Pauh (paling hilir)
20. Encik Alang - Titian Bintangor
21. Encik Manaf b. Ngah - Titian Bintangor
22. Encik Lunas bin Tangguk\* - Titian Bintangor
23. Encik Bakar - Titian Bintangor
24. Imam Ali - Titian Bintangor
25. Encik Osman Budin - Titian Bintangor
26. Raja Abu - Titian Bintangor
27. Encik Hasan bin Mat - Titian Bintangor
28. Encik Lihin - Sungai Semerbuk

(b) Cawangan: Sungai Lundu (Melaka)

- |                  |                  |
|------------------|------------------|
| 1. Bilal Baung   | - Pengkalan Pauh |
| 2. Ulung Yunus   | - Pengkalan Pauh |
| 3. Encik Tajid   | - Pengkalan Pauh |
| 4. En. Mat Jambi | - Sungai Jernih  |

Ke hulu lagi hingga ke Berisu dan Padang Kambing tidak diketahui nama-namanya.

Tanda (\*) ialah bekas-bekas tukang kincir.

### Ke mana perginya kincir

Seperti yang disebutkan di permulaan tadi, kincir hilang kira-kira pertengahan tahun 1950an iaitu dikatakan selepas terbinanya empang batu di Astana Raja maka kincir-kincir pun turut musnah. Kini bangkainya pun sudah tidak kelihatan. Hilanglah sebuah teknologi asas tradisional kita. Satu faktor lagi yang menghapuskan tradisi ini ialah berkaitan dengan perubahan ekologi di kawasan ini: hutan-hutan di sekitar boleh dikatakan sudah hampir habis dijadikan ladang-ladang getah dan kelapa sawit, jadi air hujan tidak bertahan lama - cepat banjir dan cepat pula kering neringnya dan air sungai pun turutlah jadi cetek. Tambahan lagi sikap orang semasa serta kekurangan tenaga muda untuk mengerjakan sawah maka tidak hairanlah begitu luas tanah sawah terbiar malah di sepanjang lembangan sungai Rembau.

\* \* \* \* \*

## Orang-orang yang ditemubual

1. Encik Sijak bin Sudin (87), Kampung Baru, Lubok China, N.S. Beliau ialah seorang petani dan juga bekas tukang kincir.
2. Encik Mohd. Nor bin Hasan (61), Ketua Kampung Pancang, Lubok China. Beliau biasa menolong bapanya Encik Hasan bin Mat membuat kincir semasa beliau masih kanak-kanak.
3. Encik Harun bin Md. Isa (55), Kampung Semin, Lubok China, Negeri Sembilan. Beliau pernah menolong datuknya membuat kincir.
4. Datuk Penghulu Haji Nor Ehzan Haji Maah, Penghulu Mukim Titian Bintangor, Kundor, Pilin.